

# AUKU bukan alasan

Oleh KHAIRUDDIN MOHD. ZAIN

**KENYATAAN** awal Menteri Pengajian Tinggi untuk menilai semula pelaksanaan dan asas Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 memerlukan perhatian dan pemerhatian yang ikhlas dan menyeluruh. Mahu tidak mahu, AUKU masih lagi menjadi 'isu politik' yang lama dimainkan oleh pihak tertentu yang kononnya membayangkan suasana kampus yang serba derita kerana tidak punya kebebasan.

Apakah itu sebenar-benarnya yang berlaku di universiti? Tidak ada percambahan pemikiran? Anak muda yang terlalu terkongkong pemikirannya sehingga menjadi jumud dan lemah? Para pensyarah yang serba tidak mampu berkata-kata langsung atas nama kebebasan dunia akademik? Kewujudan satu generasi yang serba 'bisu' dan tidak punya idealisme? Benarkah dunia universiti menjadi semakin sembap dan lesu?

Pandangan penulis mungkin berbeza sedikit. Pengalaman belajar dalam suasana AUKU yang sama - penulis dan rakan-rakan rasanya tidak terlalu rasa diperbodohkan oleh AUKU. Dalam satu aspek, wujud kebebasan yang nyata untuk kita berinteraksi secara cukup terbuka dengan para pensyarah.

Kurang juga rasanya sekatan yang di-



PERATURAN kempen pilihan raya kampus mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti bukan halangan kelahiran pemimpin politik.

- Gambar hiasan

Janganlah ada mana-mana kumpulan yang gemar menumpang untuk menggunakan AUKU sebagai isu politik. Mahasiswa kita tidak punya isu politik; tetapi punya 'krisis keyakinan diri' yang cukup kronik

suk kalangan yang gagal terus berkomunikasi dalam bahasa Inggeris yang cukup asas. Tidak mungkin semua ini berlaku kerana AUKU!

Kelompok mahasiswa perlu menerima hakikat bahawa mereka sedang berada dalam era persaingan yang cukup hebat. Zaman menjadi mahasiswa 'cukup makan, asal lulus' sudah tidak punya nilai.

Kelengahan akal dan kekurangan inisiatif jangan disalahkan kepada AUKU. Sebelum AUKU, mahasiswa perlulah terlebih dahulu menyalahkan 'AKU', diri sendiri yang tidak bersungguh-sungguh membina karakter dan kemampuan diri.

AUKU tidak pernah menghalang mahasiswa berfikiran inovatif, kreatif dan kritis. AUKU tidak menghalang mahasiswa membina diri/kumpulan secara serius dan terlibat secara aktif dalam program yang baik dan terpinpin. AUKU tidak pernah menghalang membina cita diri yang penuh berwawasan dan kepimpinan bertanggungjawab.

Janganlah ada mana-mana kumpulan yang gemar menumpang untuk menggunakan AUKU sebagai isu politik. Mahasiswa kita tidak punya isu politik; tetapi punya 'krisis keyakinan diri' yang cukup kronik. Sebelum kita serius berbicara tentang mewujudkan pusat pengajian tinggi bertaraf dunia - usaha bersungguh-sungguh juga mesti dilaksanakan untuk mengurangkan jumlah maha-

rasakan. Atau pihak tertentu lebih melihat AUKU melalui tingkap pandangan 'Seksyen 15' yang membatasi sedikit penglibatan aktif mahasiswa dalam 'politik'. Apakah ini yang menyebabkan minda mahasiswa kita lesu dan sembab?

Seksyen 15, AUKU menyatakan secara jelas tentang larangan berikut: "Pelajar atau Pertubuhan, Badan atau Kumpulan Pelajar dilarang bersekutu dengan persatuan-persatuan dan sebagainya, kecuali sebagaimana diperuntukkan di bawah perlembagaan atau diluluskan oleh Naib Canselor."

Dinyatakan secara terang bagaimana seorang pelajar universiti tidak boleh menjadi ahli atau bersekutu dengan mana-mana persatuan, parti politik, kesatuan sekerja; sama ada di dalam atau luar negara – kecuali sebagaimana diluluskan oleh Naib Canselor.

Adakah dengan apa sahaja yang dinyatakan dalam Seksyen 15 – mahasiswa menjadi kumpulan yang serba tidak berkemampuan menyatakan apa jua pandangan? Penulis tidak terlalu yakin bahawa Seksyen 15, AUKU mampu menjadikan mahasiswa sebegitu terkongkong dan diikat oleh mana-mana pihak.

Soal keterlibatan dan menyuarakan pandangan adalah dua perkara berbeza. Untuk menyuarakan pandangan – kita tidak perlu mempunyai soal keterlibatan sebagai prasyarat.

Dalam suasana dunia sekarang – apakah benar masih wujud keterbatasan melalui AUKU? Saat mahasiswa mampu

menyuarakan pandangan melalui laman sesawang dan *blog*; Seksyen 15 bagaikan menjadi 'tidak relevan' untuk membataskan suara dan kesungguhan mahasiswa.

Tapi dalam suasana keterbukaan itu pun, kita masih lagi gagal mendengar idealisme mahasiswa yang luhur dan khusus boleh membantu kepada pembangunan negara bangsa.

Melalui pengalaman sendiri, penulis tidak merasakan sangat bahawa AUKU boleh membataskan kematangan dan bersuara. Ruang itu tetap ada, asalkan kita mampu memberikan pandangan yang objektif dan tidak emosional.

Hakikatnya, berdasarkan pengalaman berinteraksi dengan mahasiswa di universiti – kematangan ini tidak wujud kerana salah mahasiswa sendiri. Mahasiswa kita kurang membaca tetapi gemar membicarakan isu-isu 'dunia' dan sekali gus terikut-ikut dengan mantera orang luar yang belum tentu boleh diaplikasi secara total dalam ruang lingkup negara sendiri.

Kematangan interaksi dan kemampuan berbicara isu-isu besar hanya terkepung di kalangan pimpinan mahasiswa dan kalangan yang aktif dalam Kelab Debat. Majoriti mahasiswa lain masih lagi terkial-kial mencari imej diri. Masih lagi terbelenggu dengan karya-karya kecil; dan tidak kurang yang masih lagi terpesona dengan dunia 'khayalan' yang bersifat hiburan dan tidak membina karakter dan jati diri.

Wujud pula suara 'pseudo-mahasiswa'

yang mengatakan AUKU mampu menjadikan mahasiswa gagal berkemampuan membina daya membuat keputusan dan imej diri. Apakah ini benar – dan apa pula sumbangan mereka dalam memastikan suasana ini tidak berlaku?

AUKU tidak sesekali menghalang secara total untuk kumpulan mahasiswa mengadakan program yang bersifat membina dan sedikit kritis. Di sinilah, budi bicara dan hati budi para pimpinan universiti, para Naib Canselor untuk membuat keputusan.

## Melaksanakan

Hakikatnya, AUKU tidak pun dilaksanakan secara menyeluruh. Sedangkan kalau benar kerajaan mahu melaksanakan secara serius – pastinya ramai yang sudah mampu diambil tindakan melalui AUKU. Itu tidak berlaku.

AUKU dijadikan 'alasan' kepada kegagalan mahasiswa sendiri mengenal pasti isu dan masalah yang mampu mereka perjuangkan. Lebih daripada itu, AUKU juga dijadikan 'kambing hitam' di atas kegagalan membina imej diri dan perwatakan yang selayaknya digelar graduan.

Pengalaman sendiri dalam menemu duga kalangan graduan cukup mengecewakan. Bukan sahaja gagal memahami isu secara cukup kritis – sesetengahnya tidak pun mampu menerangkan perkara-perkara asas yang melibatkan diri dan jurusan yang diambil. Itu belum terma-

siswa/graduan 'mediocre' yang ada di pusat pengajian tinggi kita.

Kalaupun ada sedikit pembaikan tentang AUKU, ia perlu lebih bersifat 'pentadbiran', khususnya pemberian ruang autonomi kepada pimpinan universiti untuk mengurus dengan lebih yakin dan kurang campur tangan.

Kita memerlukan kalangan pentadbir universiti yang cekap menukarkan kampus sebagai 'pusat kos' – kepada sebuah 'pusat keuntungan'.

Kalau perlu diberikan pengukuhan untuk melantik kalangan ahli korporat sebagai anggota Senat/Ahli Majlis Universiti – lakukanlah demi masa depan pengajian tinggi yang lebih wibawa.

Penyatuan idea antara kelompok akademik dan korporat inilah yang wajar disegerakan.

Keterlibatan secara bersungguh, dalam usaha menyegerakan pelaksanaan 'penyelidikan, pembangunan dan pemasaran' kepada segala macam kerja akademik mesti diberikan keutamaan.

AUKU bukanlah sebenarnya menjadi tembok kepada pengalihan modal insan kelas pertama. Pokok pangkalnya, tanggungjawab asas kepada seorang mahasiswa adalah menggapai kecemerlangan akademik, wibawa akhlak dan gemilang jati diri. Kata orang tua, 'janganlah salahkan lantai, kalau diri tak pandai menari' – AUKU tidak pernah membina insan jumud dan mundur. Cukup janggal kalau menyalahkan AUKU, ketika dunia hanya berada di hujung jari kita.